



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan baru yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

Warganegara Malaysia yang mempunyai tahap disiplin dan berintegriti tinggi, bersedia menghadapi cabaran untuk menyertai dunia pendidikan seni budaya dan warisan adalah dialu-alukan untuk mengisi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN
1.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	KONTRAK

PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

SYARAT-SYARAT:

KRITERIA LANTIKAN

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Bagi bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia hendaklah tidak melebihi 45 tahun;
 - Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
- Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
 - Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; **DAN**
 - Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

NOTA

Hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dihubungi untuk temu duga dan sekiranya anda tidak menerima sebarang maklum balas bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini, sila ambil maklum bahawa permohonan anda adalah tidak berjaya dan kekosongan tersebut telah diisi.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

19 APRIL 2022 (SELASA)

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi maklumat melalui sistem **myCareer ASWARA** iaitu <https://my.aswara.edu.my/myCareer>

Rektor
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
464, Jalan Tun Ismail,
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
Tel : 03-27785936/5939/5938